



**MINIT MESYUARAT KALI KE-71 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
SELASA, 4 APRIL 2023, JAM 2.30 PETANG  
WEBEX LIVE**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Azazi Bin Zakaria  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman  
Pengarah Hospital  
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Musa bin Hj. Ali  
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah  
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar (Presiden)  
Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar  
Cik Nur Mariyam Binti Musa  
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz  
Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil  
Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim (Presiden)  
Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin  
Encik Norhiman Bin Ahmad  
Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan  
Encik Mohd Shukur Bin Abidin  
Puan Hasnah Binti Hassan  
Encik Nik Fakurudin Bin Nik Ali

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

#### **Turut Hadir**

YBrs. Profesor Dr. Md Roslan Bin Hashim  
Ahli Lembaga Koperasi  
Universiti Sains Malaysia

YBrs. Ts. Arman Bin Abdul Razak  
Pengarah  
Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Aset

Puan Zanita Binti Zakaria  
Timbalan Bendahari Kanan  
Jabatan Bendahari

#### **Tidak Hadir :**

YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Binti Samat  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

Dr. Ngo Sheau Shi  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

---

#### **MINIT 1        Ucapan Aluan Pengerusi**

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan aluan kehadiran dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara hibrid. Memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa mesyuarat MBJ Kali Ke-71 ini merupakan mesyuarat MBJ pertama bagi tahun 2023.

YBhg. Dato' Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Binti Samat atas khidmat bakti dan dedikasi semasa menjalankan tugas sebagai Pengerusi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kali Ke-70 pada 15 Disember 2022.

YBhg. Dato' Pengerusi turut merakamkan ucapan setinggi tahniah dan mengalu alukan penyertaan Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang baharu dilantik bagi sesi 2023 - 2024 ke Mesyuarat MBJ. Senarai Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang terlibat ialah:

- i.      Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin (Naib Presiden)
- ii.     Encik Norhiman Bin Ahmad (Ahli Jawatankuasa)
- iii.    Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan (Ahli Jawatankuasa)

Majlis turut merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih atas khidmat bakti Encik Ahmad Rizwan Bin Zulkharnain mantan Presiden KKAUSM, Encik Syaarani Amri Bin Muhamad dan Puan Azliza binti Ahmad Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang tidak lagi terlibat dengan mesyuarat MBJ atas sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan.

**MINIT 2****Pengesahan Minit Mesyuarat**

**Minit Mesyuarat kali ke – 70 Majlis Bersama Jabatan pada hari Khamis, 15 Disember 2022, jam 3.30 petang.**

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

**MINIT 3****Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 70**

**Minit 5.2.1 : Cadangan Penyediaan Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik Kepada Staf yang Menghadapi Masalah *Mile Strokes* atau *Strokes* di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB)**

Majlis mengambil maklum pihak Unit Korporat HUSM dan IPPT telah mengadakan perbincangan dan bersetuju memberikan perkhidmatan Rehabilitasi Robotik secara percuma kepada lima (5) orang staf USM setiap tahun sebagai inisiatif permulaan serta dilaksanakan serta merta.

**[Tindakan : Pengarah HUSM dan Pengarah IPPT]**

**Minit 5.2.1 : Cadangan Penyediaan Elaun Perbelanjaan / Sara Diri Semasa Kursus Posbasik**

Majlis mengambil maklum keputusan JKPU pada tahun 2016 bahawa elaun ini tidak dapat disediakan berdasarkan kedudukan serta kemampuan kewangan HUSM yang tidak mengizinkan.

Majlis turut mengambil perhatian implikasi kewangan sekitar RM180,000.00 sehingga RM 270,000.00 setahun perlu disediakan oleh HUSM bagi menampung elaun staf sejumlah 20 hingga 30 staf yang menjalani kursus Posbasik.

Setelah berbincang, Majlis bersetuju agar satu kajian menyeluruh berkaitan cadangan ini disediakan oleh pihak HUSM dan dibentangkan kepada JKPU untuk membuat penilaian kemampuan kewangan pihak universiti sebelum keputusan pelaksanaan cadangan ini dilaksanakan.

**[Tindakan : Pengarah HUSM]**

**Minit 6.4 : Isu Keselamatan di Bangunan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan**

Majlis mengambil maklum status terkini pelaksanaan projek di Bangunan PPBLT dan status kerja-kerja pembaikan kerosakan struktur bumbung serta kerja-kerja berkaitan gantian perabot, dinding dan kemasan lantai.

Majlis turut mengambil maklum jaminan pihak JPPA bahawa isu berkaitan dengan susun atur parabot lama yang tidak teratur dan menghalang akses ke bilik kuliah dan bilik guru serta kerosakan tandas akan diselesaikan segera selewatnya akhir bulan April 2023.

**[Tindakan : Pengarah JPPA]**

**MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN**

**MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA**

**5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

**5.1.1 Pelaksanaan Penilaian Prestasi Tahunan tidak mengikut prosedur bagi penghasilan LPP / SKT**

Majlis mengambil maklum pihak universiti mempunyai SOP dan prosedur aduan berkaitan ketidakpatuhan proses penilaian prestasi. Sekiranya terdapat kes kegagalan pematuhan prosedur penilaian prestasi, staf berkenaan boleh membuat aduan kepada BSM dan satu Jawatankuasa khas akan menyiasat aduan yang dikemukakan.

**[Tindakan : Untuk Makluman]**

**5.1.2 Pelaksanaan Pelantikan Pensyarah Baharu Secara Kontrak**

Majlis mengambil maklum maklumbalas tambahan yang terkait dengan dasar pelaksanaan Pelantikan Pensyarah Baharu Secara Kontrak adalah seperti berikut;

- i. Dasar pengambilan dan pelantikan sumber manusia secara kontrak/tetap diputuskan oleh Lembaga Gabenor Universiti (LGU) berdasarkan kemampuan kewangan universiti.
- ii. Hasil daripada dasar pembekuan pengambilan staf, pihak universiti telah mendapat lebihan bajet. Susulan itu, proses pengambilan staf akademik telah diaktifkan semula dan sejumlah 105 lantikan pensyarah baharu untuk pusat pengajian telah diluluskan oleh pihak universiti. Pusat Pengajian kini dalam proses mengeluarkan iklan untuk mendapatkan bakat.
- iii. Pusat Pengajian boleh memutuskan lantikan secara tetap sekiranya penilaian terhadap kelayakan, pengalaman calon berkenaan melepas syarat Pensyarah Kanan. Namun jika calon berkenaan hanya mencapai tahap Pensyarah Kanan sahaja, staf berkenaan akan dilantik secara kontrak.
- iv. Sekiranya terdapat kritikaliti dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan dan kes pensyarah yang masih berstatus kontrak selepas tempoh 5 tahun, Dato' Naib Canselor boleh membawa kes khusus berkenaan ke LGU untuk pertimbangan dan kelulusan pelantikan secara tetap.

Setelah berbincang, Majlis turut bersetuju agar sesi khas pihak universiti bersama ahli PKAPUSM bagi menjelaskan dasar pelantikan perlu diadakan dalam tempoh terdekat dan YBhg Dato' Timbalan Naib Canselor [Akademik & Antarabangsa] perlu membentangkan dasar pelantikan kakitangan akademik dan isu-isu yang terkait dengan proses kenaikan pangkat dalam MBJ Ke - 72 akan datang.

**[Tindakan : Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa & BSM]**

### **5.1.3 Isu Berkaitan Proses & Kriteria Kenaikan Pangkat Pelbagai Skim**

- i. Ketiadaan Proses Rayuan di dalam *flow chart* kenaikan pangkat.

Majlis mengambil maklum penerangan berkaitan govenan Badan Berkanun dan Badan Persekutuan dari segi tata kelola proses pelantikan, kenaikan pangkat dan proses rayuan kenaikan pangkat antara Pegawai Persekutuan dan Badan Berkanun serta penjelasan berkenaan bidang kuasa LGU berdasarkan peruntukan di dalam AUKU dan perlembagaan Universiti.

Majlis turut memberi perhatian terhadap isu-isu dan perkara berbangkit berkaitan proses rayuan yang dikemukakan oleh pihak PKAPUSM.

Setelah berbincang Majlis memutuskan agar cadangan pewujudan proses rayuan di dalam *flow chart* kenaikan pangkat dan Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat ini dibawa dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk perbincangan dan pertimbangan.

#### **[Tindakan : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) & Pejabat Perundangan]**

- ii. Eksesais kenaikan pangkat tahunan bagi Guru Bahasa bagi tahun 2022/2023.

Majlis mengambil maklum bahawa eksesais kenaikan pangkat Guru Bahasa bagi tahun 2022/2023 sedang berjalan dan proses penilaian sedang dilaksanakan.

#### **[Tindakan : Untuk makluman]**

- iii. Staf akademik dan Pentadbiran USM yang berada pada Skim Perjawatan/Perkhidmatan sedia ada yang mengambil inisiatif dan berjaya menamatkan pengajian di peringkat lebih tinggi daripada kelulusan semasa mula berkhidmat.

Majlis mengambil maklum bahawa inisiatif staf Akademik dan Pentadbiran melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi merupakan satu nilai tambah kepada staf berkenaan dan tiada keperluan dalam skim perjawatan yang disandang serta bukan syarat utama dalam pertimbangan kenaikan pangkat. Dasar pemberian insentif kepada staf perlu mengikut Pekeliling Kerajaan. Walau bagaimanapun, pemberian insentif seperti bonus dan lain-lain insentif seperti latihan boleh dipertimbangkan sekiranya pihak universiti mempunyai kemampuan kewangan dari sumber dalaman.

#### **[Tindakan : Untuk makluman]**

- iv. Laluan Kemajuan Kerjaya Skim Perkhidmatan Guru Bahasa (DG) di USM dan Skim Perkhidmatan di USM

Majlis mengambil maklum bahawa kriteria baharu kenaikan pangkat Skim Perkhidmatan Guru Bahasa telah ditaklimatkan oleh YBhg Dato' Timbalan Naib Canselor [Akademik & Antarabangsa].

Majlis turut mengambil perhatian isu pensyarah Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG (Bukan Klinikal) dan Pensyarah Perubatan Gred DU (Bukan Klinikal) yang hanya boleh mengemukakan permohonan melalui trek standard

memandangkan skim ini tidak layak memilih trek klinikal ataupun trek pengajaran sedangkan pensyarah dalam skim ini turut terlibat dalam penyumbangan klinikal pelajar.

Setelah berbincang dengan mengambil kira beberapa maklumbalas yang dibangkitkan, Majlis bersetuju agar Profesor Dr. Abdul Razak Bin Sulaiman, Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan melihat kembali kertas cadangan berkaitan kriteria kenaikan pangkat Pensyarah Perubatan (Bukan Klinikal) dan berbincang dengan YBhg Dato' Timbalan Naib Canselor [Akademik & Antarabangsa] untuk dibentangkan semula kepada pihak universiti.

**[Tindakan : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) & Dekan PPSP]**

#### **5.1.4 Penggantian staf yang berpencen di semua PTJ**

Majlis mengambil maklum proses pengambilan staf akademik baharu sedang dilaksanakan. Pusat Pengajian kini dalam proses mengeluarkan iklan untuk mendapatkan bakat.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

#### **5.1.5 Pensyarah DS45 di bawah Skim ASTS. Laluan kerjaya dan lantikan ke DS51 selepas tempoh percubaan / probation (1-3 tahun)**

Majlis mengambil maklum pelaporan pihak PKAPUSM berkaitan penetapan syarat dan proses pengesahan jawatan Dr. Peter Chong Jian Li, Pensyarah Universiti DS45 Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan yang tidak konsisten oleh Pusat Pengajian.

Susulan perkara di atas, Majlis bersetuju agar kes ini dimajukan kepada YBhg. Dato' Pengurus untuk perhatian secara kes khas. Sekiranya terdapat kes-kes ketidakpatuhan SOP dan peraturan berkaitan perkara seperti ini, aduan boleh dikemukakan kepada pihak Pendaftar untuk tindakan susulan.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

#### **5.1.6 Perancangan Universiti berkaitan Guru Bahasa yang memiliki Ijazah Kedoktoran di bawah skim ASHES**

Majlis mengambil perhatian usul pihak PKAPUSM berkaitan halatuju yang tidak jelas berkaitan laluan kerjaya Guru Bahasa yang memiliki Ijazah Kedoktoran di bawah skim ASHES. Guru Bahasa yang mengikuti skim ini dan berjaya menamatkan pengajian tetapi tidak diserap sebagai Pensyarah di bawah program Ijazah pertama atau Ijazah Tinggi.

Setelah berbincang, Majlis bersetuju agar Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan untuk memperhalusi berkaitan isu ini dari segi keperluan pusat pengajian dan kerelevan pelaksanaan skim ini. Perkara ini perlu dibentangkan dalam Mesyuarat MBJ yang akan datang.

**[Tindakan : Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan]**

## **5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)**

### **5.2.1 Cadangan Elaun Tunggu kepada staf Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset (JPPA) yang bertugas di Kampus Induk/Kampus Kesihatan/Kampus Kejuruteraan/Institut Perubatan dan Pergigian Termaju**

Majlis mengambil maklum maklumbalas pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) bahawa tiada peruntukan Elaun Tunggu Sedia dalam perkhidmatan awam. Berdasarkan semakan rekod perkhidmatan staf, pihak universiti tidak pernah membuat bayaran Elaun Tunggu Sedia kepada staf universiti.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **5.2.2 Borang Permohonan Penempatan Tempat Bertugas**

Majlis mengambil perhatian proses penempatan staf akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor seperti skim, kompetensi dan keperluan sesuatu jabatan.

Pihak BSM turut melaksanakan *due diligence* bagi kes permohonan yang tidak diperakukan oleh Ketua Jabatan bagi mengenalpasti faktor-faktor permohonan staf seperti kesihatan, disiplin, kesihatan mental dan lain-lain. Sekiranya terdapat keperluan untuk membuat penempatan selepas proses *due diligence*, pihak BSM akan berunding dengan Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum tindakan dilaksanakan.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pihak BSM akan merujuk serta melibatkan pihak KKAUSM dalam sesi perbincangan dengan Ketua Jabatan berdasarkan *case-by-case* serta mengikut keperluan dan tidak melibatkan semua kes permohonan pertukaran yang tidak diperakukan oleh Ketua Jabatan.

**[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]**

### **5.2.3 Urus Tadbir Kewangan Koperasi Kedai Buku dan Public Bank**

Majlis mengambil maklum bahawa pihak Koperasi telah menyelesaikan pembayaran kepada pihak Public Bank dan memberi jaminan bahawa proses pembayaran tidak akan terjejas di masa hadapan.

Sekiranya masalah pembayaran masih berlaku, ahli Koperasi yang terlibat boleh mengemukakan aduan kepada Puan Zanita Binti Zakaria, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi USM Berhad dan cadangan pemotongan secara terus melalui Jabatan Bendahari kepada Public Bank perlu dilaksanakan.

**[Tindakan : Koperasi USM & Jabatan Bendahari]**

## **MINIT 6 : Hal-Hal Lain**

### **6.2 Pelantikan Setiausaha Bersama tambahan dari PKAPUSM**

Majlis mengambil maklum bahawa hasil semakan pihak urusetia dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perlembagaan MBJ

menyatakan bahawa Setiausaha Bersama adalah terdiri dari wakil majikan dan seorang wakil pekerja.

Setelah berbincang dengan mengambil kira pelbagai pandangan, Majlis bersetuju agar pihak PKAPUSM dan KKAUSM mengadakan sesi perbincangan bagi mengenalpasti mekanisme yang terbaik dalam melaksanakan fungsi sebagai Setiausaha Bersama yang dipilih oleh ahli-ahli pihak pekerja. Cadangan yang telah dipersetujui secara bersama oleh PKAPUSM dan KKAUSM akan dibentangkan dalam mesyuarat MBJ yang akan datang.

[Tindakan : PKAPUSM & KKAUSM]

### **6.3 Penyelenggaraan Kampus Secara Menyeluruh**

Majlis mengambil maklum cadangan pihak PKAPUSM agar pihak universiti khususnya pihak JPPA agar memberi perhatian serius berkaitan kerja-kerja cucian kawasan dan penyelenggaraan bangunan di dalam kampus agar masalah yang berlaku tidak memberi kesan kepada peningkatan kos penyelenggaraan di masa hadapan disamping memastikan persekitaran kampus sentiasa terpelihara.

[Tindakan : Pengarah JPPA]

### **6.4 Penggunaan Ruang Di Bilik Cube 101 & 102 Bangunan G03**

Majlis mengambil perhatian cadangan pihak PKAPUSM agar bilik perbincangan Cube 101 dan Cube 102 di bangunan G03 dibuka bagi memberi ruang kepada pelajar dan pensyarah untuk aktiviti pembelajaran dan sesi perbincangan.

[Tindakan : Unit Kemudahan Pusat, Pejabat Pendaftar]

### **6.5 Sambutan Hari Pekerja, Maulidur Rasul, Hari Kebangsaan & Hari Warga Staf**

Majlis mengambil maklum cadangan KKAUSM agar pihak BSM memberi kerjasama dan libatsama dengan pihak KKAUSM bagi menjayakan sambutan Hari Pekerja, Maulidur Rasul, Hari Kebangsaan & Hari Warga Staf.

[Tindakan : Bahagian Sumber Manusia]

### **6.6 Permohonan Ruang Di Universiti Bagi Penjanaan Kewangan Kesatuan**

Majlis mengambil maklum permohonan pihak KKAUSM untuk mendapatkan ruang/tapak di dalam kampus dan dua ruang tapak Pesta Konvokesyen bagi penjanaan kewangan kesatuan. Susulan permohonan ini, YBhg. Dato' Pengurus memohon pihak KKAUSM mengadakan sesi perbincangan bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni.

[Tindakan : KKAUSM]

## **6.7 Penglibatan PKAPUSM Dalam Perancangan Dan Pelaksanaan Program POTENSI**

Majlis mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan dari pihak PKAPUSM agar wakil pihak persatuan dilibatkan dalam proses perancangan dan pelaksanaan program POTENSI bagi melihat keberkesanan program berkenaan.

**[Tindakan : Pusat Transformasi Insan]**

### **MINIT 7 : Penutup**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.40 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Penggerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :

  
**ENCIK MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN**  
Setiausaha Bersama MBJ

  
**ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD**  
Setiausaha Bersama MBJ USM  
(Wakil Pekerja)